

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10 March 2016

Boleh kembali bermusuh selepas capai matlamat - Dr. Mahathir

Um - 10/3/2016

KUALA LUMPUR 9 Mac - Beberapa ahli UMNO yang bersekongkol dengan DAP dalam pakatan menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hanya melupakan permusuhan mereka buat sementara sahaja.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, perbezaan pendapat antara mereka boleh diteruskan sebaik sahaja matlamat mereka tercapai.

"Mengutamakan parti masing-masing bermakna menyokong dan mengekalkan Najib," katanya dalam kenyataan melalui laman

blog beliau hari ini.

Dalam sidang akhbar pakatan Dr. Mahathir dan pembangkang bagi menjatuhkan Perdana Menteri pada Jumaat lalu, Penasihat DAP, Lim Kit Siang enggan mengulas ketika ditanya sama ada beliau mempercayai bekas Perdana Menteri tersebut.

Dr. Mahathir pula tidak memberi jawapan yang konkrit ketika ditanya sama ada beliau bersetuju pemimpin DAP dilantik menjadi Perdana Menteri sekiranya pakatan tersebut mencapai objektifnya.